



Homecoming V Raikan Alumni UPM



Dato Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin menerima Anugerah Perkasa Alumni dari Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

SERDANG, 22 Mei – Persatuan Alumni Universiti Putra Malaysia (PAUPM) meraikan lebih 600 alumninya pada acara kemuncak Sambutan Hari Alumni 'Homecoming V', Majlis Makan Malam Sirih Pulang ke Gagang di Pusat Kebudayaan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Naib Canselor, UPM Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata bermula tahun 2009, tarikh 21 Mei dinobatkan Hari Alumni UPM.

"Hari Alumni UPM 21 Mei sangat bererti dalam menggerakkan program alumni bagi menghimpunkan potensi dan kekuatan ahli persatuan pada pelbagai lapisan umur dengan penglibatan warga kampus untuk bersama memberi sumbangan bermakna kepada kemajuan dan kecemerlangan universiti," katanya.



Antara alumni UPM yang hadir.

Beliau berkata usaha mengumpulkan alumni perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa oleh PAUPM dengan kerjasama Pusat Alumni agar program yang dianjurkan berupaya memberi impak yang lebih besar kepada UPM untuk terus bergerak ke hadapan.

Sementara itu, Presiden PAUPM Anas Ahmad Nasarudin berkata majlis Homecoming V adalah satu tradisi penting yang mesti diteruskan kerana melaluinya semangat kebanggaan para alumni terhadap Alma maternya akan dapat disemarakkan.

"PAUPM sentiasa berusaha memastikan semua aktiviti persatuan dapat memenuhi aspirasi ahli-ahli dalam menyemarakkan keinginan mereka untuk kembali berbakti seiring dengan

matlamat 'Memperkasakan UPM Melalui Alumni',” katanya.



Pengarah Pusat Alumni UPM, Dr. Rohani Ibrahim (kanan) bersama penerima Anugerah Apresiasi Alumni, Dato' Leela Mohd Ali.

Majlis yang bertujuan meraikan kepulangan alumni ke kampus dan mengeratkan lagi ikatan antara alumni dan Alma Mater itu turut menyaksikan penyampaian beberapa anugerah kepada ahlinya.

Seramai 20 orang alumni menerima Anugerah Apresiasi Alumni, antaranya Dato' Leela Mohd Ali, Mohd Nazri Noh, Mohd Rizal Mohd Khanafie, Ahmad Fua'ad Alwi dan Rogayah Md. Yasin.

Manakala lima orang alumni dianugerahkan Anugerah Bakti, iaitu Prof. Madya Datin Dr. Kalthum Hashim, Dato' Abdul Aziz Abu Bakar, Prof. Dr. Rahim Md. Sail, Dr. Md. Yusof Husin dan Tan Teo Kim.

Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail dan Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin dianugerahkan Anugerah Perkasa Alumni manakala Tan Sri Datuk Dr. Arshad Ayub menerima Anugerah Mutiara Alumni.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Ili Syazwani 03-89466014).